



Sembang@Waghih

أونيت حال احوال اسلام

BIL.2

1 SEPTEMBER 2025
(8 RABIULAWAL 1447H)

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTMCNS)

Oleh : Puaad Osman – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

MUTIARA HADIS NABI

صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ



GALAKKAN SUPAYA TEKUN BERUSAHA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ
لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ
مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا، فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ

Terjemahan :

“Seseorang di antara kalian memikul seikat kayu di atas belakangnya lebih baik baginya daripada dia meminta-minta kepada orang lain, yang mungkin memberinya atau tidak memberinya.”

Riwayat Al-Bukhari & Muslim

Nilai Usaha Sendiri

Rasulullah ﷺ menekankan bahawa berusaha dengan tangan sendiri, walau dengan pekerjaan yang kelihatan remeh seperti mengutip kayu api, lebih mulia dan terhormat berbanding hidup meminta-minta.

Islam Menganjurkan Ketekunan dan Daya Usaha

Hadis ini menjadi bukti bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk bekerja dan bersungguh-sungguh dalam kehidupan, tanpa bergantung kepada bantuan orang lain jika masih mampu berusaha.

Menjaga Maruah Diri

Orang yang tekun bekerja menjaga kehormatan dirinya, berbanding mereka yang suka meminta-minta yang boleh menjatuhkan maruah dan mengikis nilai harga diri.

Penutup

Hadis ini sangat relevan dalam dunia hari ini, di saat ramai yang mudah putus asa, mahu jalan pintas, dan hidup bersandar pada bantuan, Islam mengajar untuk tetap gigih, sabar dan bekerja keras berusaha tanpa lelah, dan bertawakal penuh pada Allah.

ADAB KETIKA BERSELISIH PENDAPAT



Allah SWT berfirman dalam Surah An-Nahl, ayat 125 yang bermaksud:
"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang terbaik..."
(Surah An-Nahl: 125)

Ayat ini mengajarkan kita bahawa dalam apa jua bentuk perbezaan atau perbincangan, pendekatan yang digunakan mestilah penuh hikmah, disertai dengan nasihat yang baik serta adab yang tinggi. Islam tidak melarang perbezaan pendapat, bahkan meraikannya, selagi ia dikendalikan dengan akhlak mulia dan saling menghormati. Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik dalam menangani perbezaan pandangan, dengan penuh kelembutan, kebijaksanaan dan kesantunan.

Dalam kehidupan seharian, sama ada di tempat kerja, mahupun dalam keluarga dan masyarakat, kita tidak dapat lari daripada berdepan dengan situasi berselisih pendapat. Ini merupakan sesuatu yang normal dan lumrah kerana setiap individu mempunyai latar belakang, pengalaman serta pemahaman yang berbeza. Namun begitu, sebagai Muslim, cara kita menangani perbezaan ini mestilah berlandaskan adab Islam agar hubungan kekal harmoni dan diberkati.



Rasulullah SAW mengajar bahawa hikmah dan kelembutan hati adalah kunci utama dalam menyelesaikan perbezaan dengan cara yang baik. Maka, penting bagi kita untuk memahami dan mengamalkan adab ketika berselisih pendapat agar tidak mencetuskan perpecahan atau permusuhan.



ADAB YANG PERLU DIJAGA KETIKA BERSELISIH PENDAPAT

1. Mengawal Emosi

- Jangan biarkan perasaan marah atau ego menguasai diri.
- Ambil masa untuk bertenang sebelum memberi pandangan.

2. Menghormati Pendapat Orang Lain

- Dengar dengan sabar walaupun tidak bersetuju.
- Elakkan memotong percakapan atau menjejek.

3. Gunakan Bahasa yang Baik dan Santun

- Hindari kata-kata kasar, sindiran atau penghinaan.
- Gunakan tutur kata yang sopan dan penuh rasa hormat.

4. Bersikap Tawadhu' (Rendah Hati)

- Sedar bahawa kita juga mungkin tersilap.
- Terima dengan lapang dada jika ada pandangan yang lebih baik.

Penutup

Hadis perbezaan pendapat bukanlah satu masalah yang perlu dielakkan, bahkan ia adalah asam garam dalam kehidupan bermasyarakat. Apa yang lebih penting ialah bagaimana kita menjaga adab ketika berbeza pandangan agar setiap perbezaan itu membawa manfaat bukan permusuhan.

Sebagaimana sabda Nabi SAW:

“Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya.”
(Hadis Riwayat Tirmizi)

5. Fokus pada Isu, Bukan Peribadi

- Jangan menyerang peribadi atau karakter orang lain.
- Tumpukan perbincangan kepada perkara yang dipertikaikan sahaja.

6. Bersedia untuk Memaafkan dan Memohon Maaf

- Jika berlaku salah faham atau kesilapan, segera mohon maaf.
- Jangan simpan dendam yang boleh merosakkan hubungan.

Cara Menangani Perbezaan Pendapat di Tempat Kerja

- Dengar dahulu dengan teliti, kemudian jawab dengan fakta dan hikmah.
- Jika tidak pasti, jangan terus menolak namun kaji terlebih dahulu.
- Gunakan perumpamaan atau contoh yang mudah difahami.
- Ambil masa untuk berfikir sebelum memberi maklum balas.
- Jaga bahasa tubuh agar tidak menampakkan sikap menghina atau merendahkan orang lain.

Faedah Berselisih Pendapat dengan Adab

- Membuka ruang untuk pemikiran kritis dan kreatif.
- Memupuk sifat saling hormat dan sabar dalam kalangan masyarakat.
- Menambah ilmu dan pemahaman daripada pelbagai sudut.
- Memperkuatkan ukhuwah dan kerjasama dalam organisasi atau komuniti.